

## ULASAN BUKU

**Suzana Haji Othman. *Sejarah Pergolakan dan Pergelutan Bendahara Johor-Pahang 1613-1863*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2014, 452 halaman. ISBN 978-983-46-1153-8.**

Pengulas: *Jelani Harun*  
jelani@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia,  
11800 USM, Pulau Pinang,  
Malaysia.



Institusi bendahara merupakan sebahagian daripada warisan institusi Kesultanan Melayu yang telah wujud sejak ratusan tahun di alam Melayu. Sebagai pembesar utama di istana raja-raja Melayu, bendahara mempunyai berbagai-bagai keistimewaan berbanding dengan pembesar yang lain. Bendahara merupakan pembesar yang paling kanan atau paling rapat dengan sultan. Mengikut undang-undang dan adat istiadat Melayu, apabila sultan tiada di dalam negeri, bendahara akan memikul tugas sebagai sultan. Ketika itu, kuasa bendahara amat besar sekali sehingga boleh menjatuhkan hukuman bunuh terhadap rakyat yang bersalah melanggar undang-undang negeri.

Dalam *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu*, terdapat kisah kebijaksanaan Tun Perak yang banyak memainkan peranannya ketika membantu sultan Melaka memerintah dan membangunkan negeri Melaka. Kehebatan Tun Perak atau disebut juga sebagai Bendahara Paduka Raja sangat tersohor dalam sejarah institusi Kesultanan Melayu sebagai seorang tokoh pembesar yang telah meletakkan asas kepada pembentukan ciri-ciri seorang bendahara yang unggul pada zamannya. Di samping Bendahara Paduka Raja, *Sejarah Melayu* turut memerikan kehebatan Bendahara Seri Maharaja yang taat setia terhadap sultan Melaka dalam pentadbiran negeri Melaka yang gemilang pada ketika itu. Malangnya, akibat fitnah dan hasutan daripada para pembesar yang khianat, Bendahara Seri Maharaja akhirnya telah dijatuhi hukuman bunuh oleh sultan Melaka. Tidak lama selepas itu, negeri Melaka

tewas kepada serangan angkatan Peringgi (Portugis) di bawah pimpinan Alfonso D'Albuquerque.

Pergolakan dan pergelutan raja-raja dan para pembesar yang berlaku dalam sejarah Kesultanan Melayu tidak berakhir dengan kejatuhan Melaka ke tangan Portugis, sebaliknya pergolakan dan pergelutan tersebut terus muncul dalam bentuk-bentuk yang baharu di negeri-negeri Melayu yang lain, termasuk di negeri Johor dan Pahang. Persoalan inilah yang cuba diungkapkan kembali oleh Suzana Haji Othman dalam bukunya yang terbaharu berjudul *Sejarah Pergolakan dan Pergelutan Bendahara Johor-Pahang 1613-1863*. Buku ini mengandungi tiga bahagian yang tersusun mengikut kronologi masa bermula pada tahun 1613 sehingga berakhir pada tahun 1863. Dalam tempoh lebih kurang 250 tahun, berbagai-bagai peristiwa yang melibatkan sejarah pergolakan dan pergelutan raja-raja dengan para pembesar telah diketengahkan kepada masyarakat, khususnya yang melibatkan golongan bendahara.

Bahagian yang pertama (hlm. 1-108) berkisar pada peristiwa serangan Aceh terhadap Batu Sawar pada tahun 1613 yang lebih dikenali sebagai Perang Batu Sawar. Dalam serangan itu, Aceh di bawah titah perintah Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah berjaya menakluki Batu Sawar dan seterusnya menawan Sultan Alauddin Riayat Syah III (1597-1615) dan beberapa orang kerabat istana dibawa ke Aceh. Turut sama ditawan dan dibawa ke Aceh ialah Tun Seri Lanang yang ketika itu berkhidmat sebagai bendahara di Batu Sawar.

Suzana Haji Othman terus menelusuri sejarah kehidupan Tun Seri Lanang yang dikesani telah mendapat layanan yang baik di Aceh. Beliau dilantik sebagai *uleebalang* di wilayah Samalanga, yang bertaraf sebagai raja di wilayah tersebut. Samalanga telah ditadbir dengan baik oleh Tun Seri Lanang yang dikenali oleh penduduk tempatan dengan panggilan Tun Sebrang (Tun Seberang). Wilayah tersebut akhirnya membangun sebagai sebuah pusat pengajian agama atau "kota santri". Kunjungan Suzana Haji Othman ke Samalanga mendapati masih wujud beberapa kesan tinggalan sejarah Tun Seri Lanang di sana, termasuk bekas istana, kawasan tempat tinggal, dan lebih penting lagi, menemui sebahagian daripada ahli keluarga yang mendakwa mereka sebagai anak cucu Tun Seri Lanang.

Secara keseluruhannya, bahagian pertama buku *Sejarah Pergolakan dan Pergelutan Bendahara Johor-Pahang 1613-1863* memerikan sejarah hidup Tun Seri Lanang yang telah menjadi tawanan sultan Aceh, tetapi pada masa yang sama telah berjaya membina sebuah kehidupan yang sangat bererti di Samalanga. Jika selama ini masyarakat hanya mengetahui Tun Seri Lanang sebagai seorang Bendahara Johor yang telah mengarang atau menyusun kembali karya agung Melayu yang berjudul *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu*, tetapi Suzana Haji Othman telah memberikan pelbagai informasi baharu tentang sejarah hidup tokoh pengarang tersebut sewaktu

menjadi tawanan di Aceh. Tun Seri Lanang menepati mutiara kata masyarakat Melayu lama, iaitu “benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau”.

Tun Seri Lanang dicatatkan telah meninggal dunia di Samalanga pada tahun 1659 dan makamnya kini terletak di sebuah kawasan perkuburan lama di Kuta Blang. Mungkin masih banyak kisah pergolakan dan pergelutan hidup Bendahara Tun Seri Lanang semasa di Aceh yang seharusnya terus diterokai lagi pada masa hadapan. Suzana Haji Othman tidak ketinggalan menukilkan kembali kemungkinan Nuruddin al-Raniri yang pernah bertemu dengan Tun Seri Lanang di Aceh. Nuruddin al-Raniri sewaktu menulis *Bustan al-Salatin* pada tahun 1638 ada menyatakan rujukannya terhadap sebuah karya sejarah Melayu hasil tulisan Bendahara Paduka Raja. Tokoh Bendahara Paduka Raja yang dimaksudkan itu tidak lain dan tidak bukan Tun Seri Lanang yang memang berada di Aceh ketika itu. Walau bagaimanapun, hubungan sebenar antara Nuruddin al-Raniri dengan Tun Seri Lanang masih terus menjadi tanda tanya, sama ada merupakan hubungan antara pembesar dengan pembesar, atau hubungan antara pengarang dengan pengarang, atau apa-apa hubungan yang lain.

Bahagian yang kedua pula (hlm. 111-81) berpusat pada sejarah pergolakan dan pergelutan yang terus berlaku antara Sultan Johor dengan Bendahara, terutamanya dalam hal yang membabitkan Aceh dan ancaman Portugis. Hubungan Sultan dengan Bendahara sering kali ada pasang dan surutnya, ada damai dan kocaknya. Peristiwa Sultan Mahmud Syah II (1685-1699) yang mangkat di julangan pada tahun 1699 tanpa meninggalkan zuriat waris takhta kerajaan telah memberikan ruang kepada Bendahara Paduka Raja Tun Habib Abdul Jalil menaiki takhta Sultan Johor bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV (1699-1718). Peristiwa ini sudah pasti telah meningkatkan lagi penguasaan Bendahara dalam sejarah pemerintahan kerajaan Johor.

Suzana Haji Othman seterusnya membuat susur galur tentang asal usul Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV yang merupakan zuriat daripada Bendahara Seri Maharaja Padang Saujana, Tun Habib Abdul Majid (mangkat 1697) daripada beberapa sumber yang agak berlainan versinya. Daripada titisan zuriat Bendahara Tun Habib Abdul Majid kemudian membentuk beberapa keturunan bendahara dan raja-raja Melayu yang berkerajaan di Johor, Pahang dan Terengganu. Jika Bendahara Tun Seri Lanang tersohor dalam sejarah Johor pada awal abad ke-17, Bendahara Tun Habib Abdul Majid pula telah melakar sejarah di Johor sekitar akhir abad ke-17. Walau bagaimanapun, sama seperti Bendahara Tun Seri Lanang yang menghadapi pelbagai pergolakan dan pergelutan hidup pada zamannya, Bendahara Tun Habib Abdul Majid juga tidak kurang dengan permasalahannya yang tersendiri. Asal usulnya wujud dalam beberapa versi yang agak berbeza antara satu sama lain yang ada disenaraikan oleh Suzana Haji Othman.

Dalam bahagian yang kedua ini, Suzana Haji Othman turut menyisipkan peranan penting yang dimainkan oleh Laksamana Tun Abdul Jamil dalam sejarah Kesultanan Johor sehingga menimbulkan persaingan demi persaingan, iaitu pengaruh antara Laksamana dengan Bendahara Johor. Hal ini menjadikan pergolakan dan pergelutan bendahara menjadi kian kompleks di istana Johor terutamanya dengan keupayaan Laksamana Tun Abdul Jamil menimbulkan keyakinan Sultan Johor terhadap kebolehannya sebagai pembesar. Walau bagaimanapun, persaingan antara Laksamana dengan Bendahara tidak kekal lama, apabila Bendahara akhirnya berjaya mendapatkan kembali kewibawaan, pengaruh dan kepimpinannya daripada sultan Johor.

Bahagian yang ketiga buku *Sejarah Pergolakan dan Pergelutan Bendahara Johor-Pahang 1613-1863* (hlm. 185-374) memperlihatkan corak penceritaan yang sedikit berbeza berbanding dengan bahagian-bahagian sebelumnya. Dalam bahagian ini, penulisan Suzana Haji Othman lebih banyak berkisar pada hubungan perang dan damai antara Johor dengan Pahang, dengan kemasukan campur tangan pihak British dan juga Siam yang sentiasa mengeruhkan keadaan. Perang Pahang yang berlarutan beberapa tahun antara Bendahara Tun Mutahir dengan Tun Ahmad turut melibatkan raja-raja dari negeri-negeri yang lain. Pada pandangan Suzana Haji Othman (2014: 239), pihak British telah berjaya dalam usaha mereka untuk menggantikan sistem tradisi masyarakat Melayu kepada sistem Barat sehingga melahirkan “Bangsawan Melayu Baru” bagi menggantikan “Bangsawan Melayu Lama”.

Perang Pahang yang bermula pada tahun 1857 hanya berakhir pada tahun 1863 pada zaman Bendahara Tun Mutahir. Perang telah berkesudahan dengan kemenangan berpihak kepada Tun Ahmad dan seterusnya menamatkan hayat pemerintahan bendahara di Pahang. Pergolakan dan pergelutan antara pembesar telah menyebabkan pertumpahan darah sesama sendiri dan seterusnya membuka ruang untuk campur tangan pihak asing. Hal seperti ini telah berlaku pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu di Melaka pada tahun 1511. Malangnya, hal yang sama turut kembali berulang di Pahang pada pertengahan abad ke-19 yang lalu.

Konsep atau pendekatan sejarah yang dibawa oleh Suzana Haji Othman tidak terlalu berkisar pada tarikh berlakunya sesuatu peristiwa, sebab dan akibat sejarah, sebaliknya lebih berpusat pada rentetan peristiwa demi peristiwa seperti yang berlaku dalam catatan sejarah. Rentetan peristiwa mendapat ruang yang utama dalam buku ini, khususnya yang berhubung dengan bendahara Johor dan Pahang, tanpa mengabaikan kepentingan nilai sejarahnya. Pendekatan penulisan sejarah yang begini membuka ruang kepada lebih ramai pembaca sasaran yang berminat tentang hal-hal yang berhubung dengan sejarah lampau untuk dipersembahkan dalam bentuknya yang mudah dibaca dan difahami. Pada tempat tertentu, Suzana

Haji Othman menimbulkan tokoh tertentu yang banyak memainkan peranan dalam sejarah Johor seperti Tun Seri Lanang, Bendahara Tun Habib Abdul Majid, Laksamana Tun Abdul Jamil dan tidak ketinggalan juga Tun Dagang Seri Maharaja yang memiliki tarikan yang tersendiri kepada para pembaca.

Sejak akhir-akhir ini, telah muncul suatu kecenderungan baharu para sarjana dan penulis untuk menghasilkan buku sejarah dalam bentuk yang separa ilmiah dan popular. Pelbagai peristiwa dan tokoh sejarah masa lampau telah dinukilkan kembali dalam bentuk penceritaan yang baharu, malah juga dapat dijadikan novel berlatarkan sejarah. Misalnya, Muhd. Yusof Ibrahim telah melahirkan *Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka* pada tahun 2009 yang bercorak sejarah dan cereka. Abdul Talib Latif pula telah menghasilkan novel sejarah *Si Bongkok Tanjung Puteri* pada tahun 2007. Sejarah akan terus hidup dalam pengetahuan dan penghayatan masyarakat apabila sejarah itu sentiasa diingati dari semasa ke semasa, sama ada dalam bentuk ilmiah, separa ilmiah, popular atau diadaptasi ke bentuk filem dan layar perak. Bagi pembaca yang inginkan maklumat yang lebih terperinci, ilmiah dan akademik, bolehlah melakukannya dengan membuat perbandingan dengan buku sejarah yang membicarakan hal atau persoalan yang sama.

Kekuatan buku *Sejarah Pergolakan dan Pergelutan Bendahara Johor-Pahang 1613-1863* antara lain tercerna juga melalui penggunaan sumber yang pelbagai merangkumi beberapa buah salinan naskhah, sarakata dan surat bertulisan Jawi. Misalnya, pada Lampiran E (hlm. 389-97) terdapat salinan Jawi bagi naskhah *Salasilah Muar* yang disertai dengan transliterasi lengkap bagi seluruh naskhah. Naskhah *Salasilah Muar* masih belum diketahui ramai dan mengandungi suatu rangkaian salasilah dan zuriat para pembesar yang pernah berkuasa di Muar pada masa lalu. Penggunaan sumber yang bersifat primer ini memberikan pandangan atau maklumat baharu kepada para pembaca. Buku juga tampil dengan beberapa rajah tentang salasilah sultan dan bendahara Johor dan Pahang yang boleh mengukuhkan pemahaman pembaca. Malah, pada bahagian akhir buku terdapat sebuah “Salasilah Besar Zuriat Tun Seri Lanang” (hlm. 425-36) yang tersusun rapi dan berwarna-warni.

Sebagai kesimpulannya, buku *Sejarah Pergolakan dan Pergelutan Bendahara Johor-Pahang 1613-1863* dapat menjadi sebuah bahan bacaan yang menarik dan meninggalkan kesan pemikiran yang berpanjangan. Bendahara ibarat jambatan penghubung utama antara raja dengan rakyat, tetapi jawatan itu sendiri tidak terlepas daripada pergolakan dan pergelutannya, sama ada yang melibatkan sultan dengan bendahara, atau dalam kalangan kaum kerabat bendahara sendiri. Institusi Kesultanan Melayu telah melalui suatu perjalanan sejarah yang beralur liku. Ada kesultanan yang muncul dan hilang seperti yang berlaku di Melaka dan Aceh. Ada pula kesultanan yang tumbuh dan berkekalan sehingga hari ini seperti Kesultanan

Johor dan Pahang yang dibicarakan oleh Suzana Haji Othman. Sejarah yang beralur liku bukan sesuatu yang merumitkan, sebaliknya meninggalkan pelbagai catatan penting untuk pengetahuan dan pengajaran yang menajamkan akal dan memurnikan jiwa serta kepercayaan anak bangsa yang mewarisinya.

## RUJUKAN

- Abdul Talib Latif, 2007. *Si Bongkok Tanjung Puteri*. Batu Caves: Penerbit PTS.
- Jelani Harun, 2009. *Bustan al-Salatin: A Malay Mirror for Rulers*. Penang: USM Press.
- Jelani Harun, 2013. “Mengingati Pesanan Akhir Tun Seri Lanang kepada Raja-Raja Johor” dlm. Halimah Mohamed Ali & Mohamad Luthfi Abdul Rahman (ed.), *Sastera dalam Budaya dan Media*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Kamaruddin Ab. Razak, 1998. *Peninggalan Sejarah di Persisiran Sungai Johor*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Muhd. Yusof Ibrahim, 2009. *Tun Perak Pencetus Wawasan Empayar Melaka*. Kuala Lumpur: Tinta Publishers.
- Shaharom Husain, 1995. *Sejarah Johor: Kaitannya dengan Negeri Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Suzana Haji Othman, 2014. *Sejarah Pergolakan dan Pergelutan Bendahara Johor-Pahang 1613-1863*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Warisan Persuratan Johor*, 1997. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.